

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1989**

#### **BAYARAN ROYALTI PEMINDAHAN BATU BATAN**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 2.10.1988 telah mengkaji semula amalan yang dijalankan sekarang mengenai pungutan dan pengecualian bayaran royalti bagi pemindahan batu batan dan seterusnya telah membuat keputusan supaya Pengarah Tanah dan Galian menyedia satu kertas kerja mengenai perkara ini dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi.

2. Kertas Kerja Bil. (T) 7/88 yang disediakan oleh Pengarah Tanah Dan Galian telah dibincang oleh Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi di dalam mesyuarat Bil. 6/88 pada 10.12.88 dan memperakukan cadangan yang dikemukakan oleh Pengarah Tanah Dan Galian dan seterusnya bersetuju perkara ini di bawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.
3. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 22.2.89 semasa menimbang Kertas Bil. 4/87/89(14) telah bersetuju dengan perakuan Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi seperti berikut :-

#### **3.1 Pengecualian Royalti**

Bersetuju pengecualian bayaran royalti hanya boleh diberi bagi tujuan-tujuan dalam keadaan yang berikut sahaja :-

- a) Bagi projek-projek sosial seperti penambunan tanah untuk padang permainan, tapak surau dan kubur ;

- b) Bagi tanah-tanah lebihan daripada projek-projek penggalian parit oleh JPT, setakat mana yang perlu digunakan semula untuk menambus kawasan berkenaan ;
- c) Bagi projek-projek yang melibatkan pemotongan lereng bukit sepanjang simpanan rizab jalan ;
- d) Pemindahan batu batan bagi projek-projek kecil PKK boleh juga dikecualikan mengikut ‘merit’ tiap-tiap projek berkenaan. Jika kontraktor hanya dibayar bagi membina projek sahaja, sedangkan bahan-bahan binaan untuk pembinaan projek itu disediakan oleh Kerajaan Negeri, pengecualian bayaran royalti pemindahan batu batan boleh dipertimbangkan ;
- e) Kerja-kerja kecil yang melibatkan penambunan tanah yang dikelolakan sendiri oleh Jabatan Kerajaan seperti JKR, JPT serta lain-lain Agensi Kerajaan yang menggunakan tenaga dan kenderaan Jabatan.

### 3.2 Pungutan Royalti

- a) Bersetuju semua projek-projek yang dikontrakkan sama ada Projek Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan serta Pihak-Pihak Berkuasa Negeri dan Persekutuan, hendaklah dikenakan bayaran royalti bagi pemindahan batu batan.
- b) Setiap agensi yang terlibat dengan projek-projek pembangunan yang melibatkan pemindahan batu batan hendaklah mempastikan yang peruntukan bagi membayar royalti, diwujudkan di dalam anggaran setiap projek.

- c) Pihak Jabatan yang mengendalikan projek hendaklah membuat bayaran royalti terus kepada Perbendaharaan Negeri, setiap kali bayaran kemajuan dibuat kepada kontraktor berasaskan amount batu batan yang telah dipindahkan ; atau
- d) Pejabat-Pejabat yang menguruskan projek mempastikan bahawa pihak kontraktor telah membuktikan bahawa royalti telah dibuat semasa menyediakan baucer bayaran kemajuan. Deposit hendaklah dipungut bagi setiap projek yang melibatkan batu batan.

### 3.3 Tindakan Penguatkuasaan

- a. Sebelum ini penguatkuasaan dibuat dijalanraya yang menghala ke kawasan tapak projek dan juga ditempat batu batan itu diambil. Adalah didapati cara penguatkuasaan seumpama ini tidak begitu berkesan dan dicadangkan supaya penguatkuasaan dibuat di atas tapak tiap-tiap projek itu sendiri.

- b. Pejabat-Pejabat Tanah yang mengeluarkan permit dalam Borang 4C hendaklah mencatat di atas permit itu lokasi dan jenis projek dan mewujudkan suatu daftar bagi tiap-tiap projek yang telah diluluskan tender untuk perlaksanaan. Di dalam daftar itu hendaklah dicatatkan anggaran meter padu bahan-bahan batu batan yang terlibat mengikut anggaran JKR dan setiap permit yang dikeluarkan bagi tujuan untuk menambun satu-satu tapak projek itu dicatatkan di dalam daftar ini. Dengan cara membandingkan kuantiti bahan-bahan batu batan yang telah dibayar royalti dan bahan-bahan sebenar yang ditambahkan di atas tapak difikir akan mendatangkan kesan dari segi kawalan pungutan dan penguatkuasaan. Mana-mana bayaran yang kurang akan dituntut atau dipotong daripada bayaran kemajuan atau deposit.
4. Pekeliling ini dikuatkuasakan serta merta dan Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 5/77 adalah dengan ini dibatalkan.

**t.t**

**( Tengku Elias Bin Tengku Mahmood )**  
b.p. PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 9 HB. APRIL 1989**

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL : P.T.G. KN. 5184 / (17)**